



Prof Rohana ceria di sisi ibu tercinta.

Hargai pengorbanan besar insan tersayang

Kuala Lumpur: Ungkapan 'syurga di bawah tapak kaki ibu' jelas menggambarkan betapa tingginya darjat insan itu yang wajib dihormati dan disayangi anak bagi memperoleh keberkatan dalam hidup.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata sambutan Hari Ibu bertujuan mengingatkan setiap anak mengenai pengorbanan besar ibu yang melahirkan dan membesarkan mereka.

"Bagi saya, ibu harus diberi penghargaan, penghormatan dan kasih sayang setiap hari. Cuma, kerajian khas sehari ini sebagai simbolik betapa penting jasa seorang ibu," katanya.

Nilai ibu jadi contoh

Mengimbu kenangan bersama ibu tercinta, Che Wook Ujang yang meninggal dunia 16 tahun lalu, Prof Aini berkata, Allah-yarhamah tidak pernah jemu menghulurkan sokongan kepada setiap anak sehingga masing-masing berjaya kini.

Beliau berkata, ibu membesarkan lapan anak dengan sepenuh kasih sayang, selain berusaha menyediakan keperluan dan kelengkapan mereka sebaik mungkin.

Prof Aini berkata, sikap penyayang dan ambil berat ibu terhadap semua anak berterusan walaupun mereka sudah dewasa serta memiliki keluarga sendiri.

Setiap kali anak pulang ke kampung halaman, beliau berkata, ibu tekun memasak makanan kegemaran mereka seperti sup kaki lembu, ayam percik dan murtabak durian yang cukup lazat, malah belum ketemu keenakan hidangan sama di tempat lain hingga kini.

"Saya menjadikan nilai dimiliki ibu sebagai contoh dalam kehidupan sendiri. Antaranya, sikap ibu yang lembut berbicara, menghormati orang, memahami kehendak anak, tidak mengharapkan balasan dan memastikan keperluan keluarga diberi keutamaan," katanya yang merupakan anak kedua.

Uruskan semua kerja sendiri

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Rohana Yusof, pula berkata sambutan Hari Ibu sentiasa diraikan dengan semua adik-beradiknya berkumpul di rumah insan tercinta, Salmah Mat, 80.

Anak ketiga daripada tujuh adik-beradik itu mengaku cukup mengagumi dan menghargai pengorbanan ibunya yang bukan sahaja mampu membesarkan ramai zuriat dan bijak menguruskan keperluan keluarga tetapi juga sentiasa memberi sokongan kepada anak serta suami.

"Sebagai suri rumah, beliau menguruskan segala keperluan keluarga bermula daripada mengemas, memasak hinggalah membasuh pakaian. Beliau juga sentiasa tekun menguruskan anak dan menjaga keperluan suami kerana ayah sibuk dengan tugas sebagai askar.

"Yang paling saya kagumi ialah sikap ibu sangat pendiam dan tidak banyak merungut walaupun semua kerja diuruskannya sendiri. Segala keperluan kami sentiasa tersedia. Apabila ayah pulang daripada kerja, lauk-pauk pasti siap terhidang.

"Bagi saya, peranan, tanggungjawab dan nilai seorang ibu tiada tandingan, termasuk mereka yang bekerja dan terpaksa membahagikan masa untuk keluarga serta tugas di pejabat. Oleh itu, setiap anak wajib menghargai mereka," katanya.



Ibu senang dibawa berbincang dan saya dapat merasai keberkatan apabila berada di sisinya"

Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris,
Naib Canselor UPM